

D081

R 8853 DEB

MAHATHIR - PINDAH

KUCHING, 22 OGOS (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MAHUKAN PENDUDUK SARAWAK DI KAWASAN PEDALAMAN TIDAK LAGI MENGUSAHAKAN TANAM-TANAMAN SECARA BERPINDAH-RANDAH.

KATANYA, CARA PERTANIAN SEUMPAMA ITU TIDAK EKONOMIK DI SAMPING MERUGIKAN SUMBER KEKAYAAN YANG ADA DI NEGERI INI.

SEMASA MERASMIKAN WISMA SABERKAS DI SINI HARI INI BELIAU BERKATA, +SAYA SEDAR PERKARA INI SESUATU YANG SENSITIF DI KALANGAN RAKYAT SARAWAK TETAPI PERKARA INI HARUS DIAMBIL PERHATIAN DAN INGATAN OLEH SEMUA PIHAK DEMI KEPENTINGAN NEGARA.+

KATANYA, YANG AKAN RUGI BUKAN SAHAJA NEGARA TETAPI PARA PENGUSAHA TANAMAN SECARA ITU.

TINDAKAN MENEBANG DAN MEMBAKAR POKOK-POKOK YANG BERUSIA SEHINGGA 100 TAHUN KETIKA MEREKA BERCUCUK TANAM SAMA SEPERTI MEMBAKAR DUIT DAN INI SATU PERBUATAN YANG MERUGIKAN NEGARA DAN RAKYAT, TAMBAHNYA. -- LAGI.

1421MST 22 08 85

D083

R 8854 DEB

MAHATHIR - PINDAH 2 KUCHING

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA JIKA ALASAN UNTUK BERPINDAH-RANDAH ITU KERANA KESUBURAN TANAH TELAH TIADA LAGI, MAKA IA DAPAT DIATASI DENGAN CARA LAIN SEPERTI PENGUNAAN BAJA.

DI SAMPING ITU, TANAH YANG DIKATAKAN KURANG SUBUR BOLEH DIMAJUKAN DENGAN PROJEK-PROJEK LAIN YANG MENGUNTUNGGAN KEPADA PEMILIK TANAH DAN NEGERI INI.

BELIAU MENGGESA PERTUBUHAN-PERTUBUHAN BELIA DI SARAWAK TERUTAMANYA SABERKAS MEMBERI PENERANGAN UNTUK MENGUBAH CARA TRADISIONAL ITU KEPADA SATU CARA BARU YANG MENGUNTUNGGAN SEMUA PIHAK.

KATANYA, AMATLAH WAJAR BAGI KEPENTINGAN NEGERI INI SEKIRANYA PENDUDUK YANG MENGAMALKAN PERTANIAN PINDAH-RANDAH INI MENGUBAH CARA TRADISIONAL ITU KEPADA PENGGUNAAN MODEN YANG AKAN MENAMBAHKAN PRODUKTIVITI DAN SETERUSNYA MENGGUNAKAN SEGALA SUMBER KEKAYAAN NEGERI SECARA OPTIMUM DAN EKONOMIK. -- BERNAMA

1425MST 22 08 85